

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

(PASIR GUDANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.11.2014

Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG

] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah lot bumiputera dan lot antarabangsa yang telah dilelong oleh pihak bank dan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian berkenaan status lot bumiputera yang dilelong dan dibeli oleh bukan bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bank Negara Malaysia (BNM) tidak memantau proses pelelongan

hartanah oleh pihak bank dan tidak mempunyai statistik mengenai jenis-jenis hartanah yang telah dilelong oleh pihak bank.

Institusi kewangan bertanggungjawab untuk memaklumkan bakal peminjam mengenai tanggungjawab peminjam, ciri-ciri dan syarat penting pinjaman perumahan yang perlu dipatuhi serta tindakan pemuliharaan (*recovery actions*) yang boleh diambil sekiranya peminjam terus mengingkari pembayaran balik pinjaman perumahan termasuk tindakan lelongan.

Sebelum tindakan lelongan diambil, institusi kewangan harus memastikan bahawa langkah-langkah untuk mencapai resolusi yang munasabah telah diambil tetapi gagal dan peminjam juga telah diberi peluang untuk menjalankan jualan secara peribadi jika ia didapati lebih bermanfaat dalam usaha menyelesaikan hutang peminjam.

Bagi membantu pengguna memahami dengan lebih lanjut hak dan tanggungjawab mereka, sebuah buku panduan mengenai Pinjaman Perumahan telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2003

dan boleh didapati di laman web atau dari institusi kewangan.